



JAWATAN KOSONG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERLIS

Universiti Teknologi MARA Perlis dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di **Kampus Universiti Teknologi MARA Perlis** bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

1. JAWATAN

PENSYARAH GRED DM 45 SECARA TETAP

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

2. JADUAL GAJI MATRIKS

Gred DM 45	:	P1T1	RM 2546.05	-	P1T21	RM 5484.96
	:	P2T1	RM 2642.06	-	P2T21	RM 5788.25
	:	P3T1	RM 2742.25	-	P3T21	RM 6113.85

3. FAKULTI / BIDANG :

BIL	FAKULTI	BIDANG
1.	Sains Gunaan	Kimia/Kimia Gunaan
2.	Teknologi Maklumat & Sains Kuantitatif	Sains Komputer
3.	Pengurusan Perniagaan	Kewangan/Pengurusan
4.	Undang-Undang	Undang-Undang

4. SYARAT LANTIKAN

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM45

- (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; **atau**
- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah Gred DM45:P1T4)

Dan

Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA Perlis yang boleh diperolehi dengan melayari laman web UiTM Perlis di <http://www.perlis.uitm.edu.my> atau boleh didapati sendiri di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Perlis, Arau, Perlis.
- b) Tarikh tutup permohonan ialah pada **10 Mac 2009**.
- c) Sila kemukakan permohonan kepada :

**TIMBALAN PENDAFTAR
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERLIS
02600 ARAU
PERLIS
NO.TEL: (04) 987 4200/4203
EMAIL: pentadbiranpls@perlis.uitm.edu.my**

